

28 AUG 2003

DR MAHATHIR TIBA BAGI MESYUARAT DUA HALA DENGAN PRESIDEN MEGAWATI

KUCHING, 28 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini bagi mesyuarat dua hala dengan Presiden Indonesia Megawati Sukarnoputri.

Beliau diiringi Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali yang dijadual akan menerima ijazah doktor kehormat daripada Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) di Kota Samarahan dekat sini.

Perdana Menteri akan melakukan kunjungan ke atas Presiden Megawati, yang dijadual tiba tengah hari ini, di Hotel Hilton sebelum delegasi Malaysia dan Indonesia mengadakan mesyuarat dua hala di venue yang sama.

Ketibaan Perdana Menteri dan Dr Siti Hasmah di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching disambut oleh Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Abdul Taib Mahmud dan Puan Sri Laila Taib, menteri-menteri kabinet negeri dan ketua-ketua jabatan kerajaan.

-- BERNAMA

FLL MT RHM